

Rujukan Kami : TNB(B)/DNET/APP 1/14/1
Tarikh : 27 Ogos 2020

The Institution of Engineers Malaysia

Bangunan Ingenieur, Lot 60/62,
Jalan 52/4, Surat 223 (Jalan Sultan),
46720 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Association of Consulting Engineers Malaysia

Suite 20-9, Menara 1MK,
No. 1, Jalan Kiara, Mont Kiara,
50480 Kuala Lumpur

Tuan,

PEMATUHAN DAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA PERANCANGAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI PERMOHONAN 'CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE' (CCC)

Dengan segala hormatnya, perkara di atas serta hasil perbincangan TNB bersama Majlis Tindakan Ekonomi Bil 19/2020 pada 19 Ogos 2020 adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, hasil perbincangan tersebut Ahli Jawatankuasa Majlis Tindakan Ekonomi / *Economic Action Council* (EAC) telah menetapkan agar semua pihak utiliti negara termasuk TNB perlu mengeluarkan maklumbalas kepada setiap permohonan CCC dalam tempoh 28 hari. Keputusan ini perlu dilaksanakan bagi memastikan semua pihak sama-sama menyumbang untuk membangunkan ekonomi negara secara amnya dan mewujudkan peluang pekerjaan secara khususnya.

3. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan, penambahbaikan prosedur bagi proses pengeluaran surat sokongan CCC dari TNB (merujuk carta aliran **Lampiran 1**) adalah seperti berikut :-

- a) Pihak TNB akan memaklumkan kepada perunding dan sesaliran surat kepada pemaju bahawa pemasangan TNB telah dimulatugas (*commission*) dan bersedia untuk pemasangan meter. (**Lampiran 2**)
- b) Pihak perunding memajukan permohonan sokongan CCC kepada *Engineer Supply* TNB (Zon/Subzon berkenaan) dengan merujuk Senarai Semak Pengeluaran Sokongan CCC seperti di **Lampiran 3**.
- c) Sekiranya semua perkara di dalam senarai semak telah dipatuhi oleh perunding, pihak TNB akan mengeluarkan surat sokongan CCC kepada perunding dan sesaliran surat kepada pemaju.



PEMATUHAN DAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA PERANCANGAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI PERMOHONAN 'CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE' (CCC)

- d) Sekiranya terdapat perkara yang tidak dipatuhi oleh perunding seperti di dalam senarai semak tersebut, TNB akan mengeluarkan surat menolak permohonan berserta justifikasi ketidakpatuhan.
 - e) Maklumbalas surat sokongan CCC daripada TNB perlu diselesaikan dalam tempoh 28 hari dari perkara 3 (b) telah diterima oleh TNB.
4. Sekiranya dalam tempoh 28 hari tiada pemakluman rasmi berkaitan surat sokongan CCC daripada pihak TNB, ini bermakna pihak TNB tiada halangan untuk pihak perunding meneruskan proses pengeluaran CCC.
5. Kerjasama dari pihak perunding adalah diperlukan bagi memastikan surat permohonan sokongan CCC diterima oleh pihak TNB di zon/sub-zon yang berkenaan agar ulasan sokongan CCC dapat diberikan dalam tempoh 28 hari.
6. Bersama-sama ini juga dilampirkan carta aliran (**Lampiran 1**), contoh deraf surat untuk dimajukan kepada perunding (**Lampiran 2**), dan senarai semak pengeluaran surat sokongan CCC (**Lampiran 3**), untuk rujukan semua.
7. Sehubungan itu, diharap pihak tuan dapat mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan bagi memastikan hasrat Negara bagi memacu pembangunan ekonomi disokong dengan jayanya.

Terima kasih.

**" BETTER. BRIGHTER"
"TNB MENGAMALKAN DASAR TIADA HADIAH"**



Mohd Yusof bin Ibrahim
Head (Operations) 
Jabatan Operations 
Distribution Network Division, TNB

PEMATUHAN DAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA PERANCANGAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI PERMOHONAN 'CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE' (CCC)

s.k.

Head (Asset Planning & Operation)
Distribution Network Division, TNB
Aras 18, Wisma TNB Jalan Timur, Petaling Jaya

Head (Asset Development)
Distribution Network Division, TNB
Aras 6, Wisma TNB Jalan Timur, Petaling Jaya

Head (Zone Asset-North 1) Pulau Pinang/Kedah/Perlis
Distribution Network Division, TNB
Wisma TNB Jalan Anson, Pulau Pinang

Head (Zone Asset-North2) Perak
Distribution Network Division, TNB
Wisma TNB Jalan Lahat, Ipoh, Perak

Head (Zone Asset-Central 1) Selangor
Distribution Network Division, TNB
Wisma TNB Subang Jaya, Selangor


Head (Zone Asset-Central 2) Kuala Lumpur
Distribution Network Division, TNB
Wisma TNB Kepong, Kuala Lumpur

Head (Zone Asset-South 1) Johor
Distribution Network Division, TNB
Wisma TNB Jalan Yahya Awal, Johor Bahru

Head (Zone Asset-South 2) N.Sembilan/Melaka/J4
Distribution Network Division, TNB
Wisma TNB Jalan Dato' Bandar Tunggal
Seremban, Negeri Sembilan

Head (Zone Asset-East) Pahang/Terengganu/Kelantan
Distribution Network Division, TNB
Wisma TNB Jalan Gambut,
Kuantan, Pahang

LAMPIRAN 1 : CARTA ALIRAN PROSES PENGELUARAN SURAT SOKONGAN CCC



(LAMPIRAN 2)

Rujukan Kami : TNB(B) / / /
Tarikh :

Perunding

Alamat perunding

Tuan,

PEMAKLUMAN BEKALAN TELAH DIMULTUGAS BAGI PEMBANGUNAN (nama pembangunan/projek)

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dengan ini dimaklumkan pembangunan (**nama pembangunan/projek**) telah dimulatugas pada (**tarikh**) dan bersedia untuk pemasangan jangka.
3. Oleh yang demikian, pihak tuan boleh memajukan surat permohonan sokongan 'CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE' (CCC) serta melampirkan dan mematuhi senarai semak Permohonan Sokongan CCC kepada Engineer Supply (Subzone/Zone XXX), Asset Planning & Operation, Distribution Network Division, TNB.
4. Kerjasama dari pihak perunding bagi memastikan surat permohonan sokongan CCC diterima oleh pihak TNB adalah diperlukan agar ulasan sokongan CCC dapat diberikan dalam tempoh 28 hari.
5. Oleh itu, diharap pihak tuan dapat mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan bagi memastikan hasrat Negara bagi memacu pembangunan ekonomi disokong dengan jayanya.

Sekian sebagai tindakan bersama. Terima kasih.

" BETTER. BRIGHTER"

"TNB MENGAMALKAN DASAR TIADA HADIAH"

Nama

Jawatan,
Asset Development,
Distribution Network Division, TNB

Salinan edaran kepada :

Engineer Supply (Subzone/Zone XXX),
Asset Planning & Operation,
Distribution Network Division, TNB

(Nama Pemaju)
Alamat Pemaju

ENGR-5117-PSI

Senarai Semak Pengeluaran Surat Sokongan CCC

Bil.	Perkara	Ya/Tidak/ Tidak Berkaitan
1	Pemasangan TNB telah mulatugas dan bersedia untuk pasang meter	
2	Kerja-kerja di tapak telah selesai sepenuhnya i. HDD/Ducting/Manhole/Trench ii. Mill & Pave	
3	Kerja-kerja sivil, elektrik dan mekanikal (sistem pemadam kebakaran) di pencawang telah selesai, termasuk kecacatan yang diulas oleh TNB telah diperbaiki (Lampirkan gambar di tapak selepas kerja siap)	
4	Panel meter menepati piawaian lazim TNB (rujuk ESAH terkini)	
5	Dokumen serahan tanah tapak pencawang telah lengkap termasuk Bank Guarantee jika berkaitan	
6	Bayaran CSP telah dijelaskan sepenuhnya termasuk caj sambungan tambahan dan ansuran sekiranya ada	
7	Lain-lain komitmen yang berkaitan penyambungan bekalan elektrik i. _____ ii. _____ iii. _____	

Dimajukan oleh:

(Jurutera Perunding Elektrik)